

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Tuesday, March 19, 2019 7:18 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Kerjasama UUM-University Of Hull Tingkat Reputasi Di Persada Antarabangsa



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

19 MAC 2019 / 12 REJAB 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Unifilm

KERJASAMA UUM-UNIVERSITY OF HULL TINGKAT REPUTASI DI PERSADA ANTARABANGSA



UUM ONLINE: Putrajaya - Dalam usaha meningkatkan lagi reputasi di peringkat antarabangsa, Universiti Utara Malaysia (UUM) terus menjalinkan kerjasama strategik dengan universiti terkemuka luar negara.

Terkini, UUM menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan University of Hull (UOH), United Kingdom, semalam.

Kerjasama antara UUM dengan universiti itu melibatkan pertukaran pelajar dan staf, penganjuran bersama persidangan antarabangsa, menjalankan penyelidikan bersama dan pembangunan universiti dalam pelbagai bidang seperti aktiviti pembangunan pelajar dan kerjasama akademik dalam program ijazah berganda.

Pada majlis tersebut, UUM diwakili Naib Canselor, Prof. Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani, manakala UOH diwakili Dekan Bersekutu (Antarabangsa), Fakulti Perniagaan, Undang-undang dan Politik, Lynne Barrow menandatangani MoU tersebut dengan disaksikan Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Dr. Ismail Bakar; Menteri Besar Kedah, Dato' Seri Mukhriz Tun Mahathir dan Pengerusi LPU UUM, Prof. Dato' Dr. Sudin Haron di Bangunan Perdana Putra, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan.

Naib Canselor berkata, pemeteraian MoU itu melambangkan satu kejayaan penting untuk kerjasama dan perkongsian strategik antara dua institusi pengajian tinggi yang mantap dan memperkukuhkan lagi hubungan dua hala untuk jangka masa panjang antara kedua-dua negara melalui hubungan rapat dalam perdagangan, budaya dan politik.

Menurutnya, perkongsian itu juga menjadi landasan kepada UUM dan UOH untuk memulakan perjalanan kerjasama dalam transnasional akademik yang akan mengukuhkan lagi teras masing-masing.

Katanya, UUM juga berhasrat untuk memulakan kerjasama yang bukan sahaja menfokuskan dalam bidang akademik, malah mempromosikan nilai-nilai kemanusiaan dalam pembangunan masyarakat.

“Dalam era globalisasi dan kebergantungan kini, kerjasama kolaborasi dengan institusi pendidikan terkemuka di seluruh dunia bukan lagi menjadi pilihan, sebaliknya adalah keperluan.

“Kolaborasi yang telah bermula hari ini adalah bagi memudahkan usaha untuk mencipta dan menawarkan program sarjana berganda secara bersama dan menjalankan projek penyelidikan oleh penyelidik dari kedua-dua universiti,” katanya pada Majlis Menandatangani MoU Antara UUM Dengan University of Hull, United Kingdom.

Selain itu, kata beliau, kerjasama tersebut turut merangkumi program mobiliti pelajar, pertukaran staf terutama dalam bidang logistik, pengurusan teknologi, pemasaran dan pengurusan.

Menurutnya lagi, diharap dengan termeterainya MoU itu akan membawa ke arah lebih banyak inisiatif untuk menghasilkan penyelidikan bersama dan menawarkan program akademik berkembar yang akan memberi sinergi baharu dan nilai tambah kepada UUM dan UOH pada masa hadapan.

Sementara itu, Lynne Barrow berkata, beliau menjangkakan kerjasama kedua universiti itu akan membolehkan mereka untuk membangunkan rangkaian hubungan strategik termasuk pemindahan pengetahuan dan kemahiran serta penyelidikan bersama yang bermanfaat.

“Matlamat kami adalah untuk menjalinkan kerjasama dengan Kolej Perniagaan yang mana semua fakulti terlibat percaya terdapat sinergi baik antara Kolej Perniagaan UUM dan Fakulti Perniagaan, Undang-undang dan Politik, University of Hull.

“UOH dan UUM akan terus bekerja kuat untuk menjayakan MoU ini kerana kini UOH sedang menguasai Memorandum Perjanjian bagi peringkat siswazah dan pasca siswazah dan berharap ia dapat memberikan manfaat kepada semua pelajar,” katanya.

Tambah beliau, pemeteraian MoU itu juga adalah langkah pertama dalam perkongsian masa depan yang berjaya, seterusnya akan memberi manfaat kepada kedua universiti dan pelajar pada tahun mendatang.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.